

Jenis Akhbar : Utusan Melayu

Tarikh : 20/06/2023

Edisi / Muka Surat : Nasional / 28

Tajuk : Sagumpas model kluster besar koperasi negara

Sagumpas model kluster besar koperasi negara

KOPERASI Guru Melayu Pahang Selatan Berhad (Sagumpas) yang dianggotai lebih 1,000 ahli muncul antara 285 koperasi kluster besar di negara ini.

Ditubuhkan pada 28 Oktober 1952, Sagumpas mempunyai banyak aset antaranya bangunan, projek pembangunan perumahan dan pelancongan (umrah dan haji).

Urus niaga lain ialah kedai perkhidmatan tayar, kedai buku dan alat tulis, perkhidmatan dobi layan diri serta stesen minyak Smart Stream di Jengka 19.

Sagumpas menjadi model koperasi kluster kecil dan mikro dalam meningkatkan projek berdaya maju dan bermanfaat kepada komuniti setempat.

■ **PRESIDEN** Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah (lima dari kiri) bersama Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Guru Melayu Pahang Selatan Berhad (Sagumpas) selepas perasmian Mesyuarat Agung Tahunan ke-70 di Dewan Tun Razak, Temerloh baru-baru ini. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD



Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA